

yang berada) di perkampungan orang-orang mu'min. Sesungguhnya kami (juga) in sya' Allah akan menyusulimu.", dibantah oleh golongan kedua dengan dua jawapan berikut: (i) Salam yang diberikan oleh Rasulullah s.a.w. itu bukan sebagai khithab (seperti percakapan yang ditujukan kepada orang-orang yang hidup) kepada orang-orang yang mati, tetapi ia merupakan doa untuk mereka. Kata Hafiz Ibnu Hajar di dalam al-Ajwibah al-Muhimmahnya: *فخطاب الموتى بالسلام في قول الذي يدخل المقبرة السلام عليكم أهل القبور من المؤمنين لا يستلزم أنهم يسمعون ذلك بل هو بمعنى الدعاء فالتقدير اللهم اجعل السلام عليكم كما نقدر في قولنا الصلاة والسلام عليك يا رسول الله فإن المعنى اللهم اجعل الصلاة والسلام عليك يا رسول الله* Bermaksud: "Memberi salam kepada orang-orang mati dalam ucapan orang yang hendak masuk ke kawasan perkuburan *المؤمنين* *أهل القبور* *عليكم السلام* tidak bererti mereka mesti mendengarnya. Ia bahkan sebagai doa. Taqdirnya ialah: Ya Allah, cucurilah salam sejahtera ke atas mereka. Sebagaimana kita mentaqdirkan ucapan selawat dan salam kita ini *يا رسول الله* *الصلاة والسلام عليك* dengan Ya Allah, cucurilah selawat dan salamMu ke atas Rasulullah." Ertinya ucapan itu walaupun pada zahirnya merupakan khabar tetapi ia pada hakikatnya mengandungi ma'na doa. Di dalam ilmu Balaghah jumlah atau ayat seperti ini dipanggil (خبرية لفظاً إنشائية معنى). (ii) Tidak semestinya sesuatu yang dikhithab (dihadap cakap) mendengar apa yang dikatakan kepadanya. Bukankah terdapat banyak sekali dalil-dalil yang menunjukkan Nabi s.a.w. sendiri dan para sahabatnya berkata sesuatu kepada benda yang tidak ber'aqal pun? Sebagai contoh lihat saja apa kata Rasulullah s.a.w. kepada Mekah: *والله إنك لخير أرض الله وأحب أرض الله إلى الله ولولا أني أخرجت منك ما خرجت* Bermaksud: "Demi Allah! Sesungguhnya engkau adalah sebaik-baik bumi Allah dan bumi Allah yang paling dikasihiNya. Kalau tidak kerana aku dikeluarkan darimu, tentu aku tidak keluar." (Hadits riwayat Ahmad, Abu Daud, Tirmizi, Nasaa'i, Ibnu Majah, Baihaqi, Ibnu Hibbaan, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain). 'Umar pula pernah berkata kepada al-Hajar al-Aswad sebelum beliau mengucapnya: *إِنَّمَا أَنْتَ حَجَرٌ وَلَوْلَا أَنِّي رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَبْلَكَ مَا قَبَّلْتُكَ* Bermaksud: Sesungguhnya engkau tidak lebih dari batu. Kalau tidak kerana aku pernah melihat Rasulullah s.a.w. mengucapmu, tentu aku tidak kucup engkau. (Hadits riwayat Malik, Bukhari, Muslim dan lain-lain).

Dalil (3) berupa hadits marfu' daripada Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abdil Barr bahawa Baginda s.a.w. bersabda: *ما من أحد يمر بقبر أخيه المؤمن كان يعرفه في الدنيا فيسلم عليه إلا عرفه* Bermaksud: "Tiada seorang pun yang lalu dekat kubur saudaranya yang mu'min yang pernah dikenalnya di dunia, lalu dia memberi salam kepadanya, melainkan dia mengenalinya dan menjawab salamnya.", tidak layak dijadikan hujah menurut golongan kedua. Kerana ia dihukum dha'if oleh Ibnu al-Jauzi, Ibnu Rajab, al-Albaani dan lain-lain. Menurut as-Syeikh al-Albaani, hadits yang dikemukakan oleh Ibnu 'Abdil Barr ini adalah syaz. Lihat terlebih dahulu hadits berkenaan bersama-sama sanadnya di dalam kitab al-Istizkaar: *أخبرنا أبو عبد الله عبيد بن محمد قراءة مني عليه سنة تسعين وثلاثمائة في ربيع الأول قال أملت علينا فاطمة بنت الريان المستملي في دارها بمصر في شوال سنة اثنتين وأربعين وثلاث مئة قالت حدثنا الربيع بن سليمان المؤذن صاحب الشافعي قال حدثنا بشر بن بكر عن الأوزاعي عن عطاء عن عبيد بن عمير عن بن عباس قال قال رسول الله صلى الله عليه وسلم ما من أحد مر بقبر أخيه المؤمن كان يعرفه في الدنيا فسلم عليه إلا عرفه* ورد عليه السلام. Kata al-Albaani, hadits ini sebenarnya adalah hadits yang sama dengan hadits yang dikemukakan oleh Khathib al-Bahdaadi, Ibnu 'Asaakir dan lain-lain daripada Abi Hurairah. Lihat hadits ini bersama-sama sanadnya seperti yang terdapat dalam riwayat Ibnu 'Asaakir di dalam Tarikh Dimasyqnya: *عبد الله بن أحمد أبو محمد الزبيري سمع تمام بن محمد روى عنه أبو القاسم الكاملى قرأت على أبي الحسين أحمد بن كامل بن ديسم عن أبي القاسم عبد الرحمن بن علي بن القاسم الشاهد أنا أبو محمد عبد الله بن أحمد الزبيري أنا تمام بن محمد بن عبد الله الرازي ح وأخبرنا أبو محمد عبد الكريم بن*

حمزة نا عبد العزيز بن أحمد نا تمام بن محمد نا الحسن بن حبيب وأبو علي أحمد بن محمد بن فضالة الحمصي الصفار قالا نا الربيع بن سليمان المرادي نا بشر بن بكر نا عبد الرحمن بن زيد بن أسلم عن أبيه عن عطاء بن يسار عن أبي هريرة عن النبي (صلى الله عليه وسلم) قال ما من رجل يمر بقبر كان يعرفه في الدنيا فيسلم عليه إلا عرفه ورد عليه . Perhatikan bahagian yang bergaris di bawahnya. Sesiapa pun yang meriwayatkan hadits ini daripada Abi Hurairah pasti akan terdapat di dalam isnadnya perawi yang bernama `Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam. Dia adalah perawi yang disepakati tentang kedha'ifannya. Malah para ulama Rijal Hadits mengatakan dia sangat dha'if (ضعيف جدا) dan perawi matruk. Meskipun ada mutaabi'nya dalam isnad Ibnu Abi ad-Dunya di dalam Kitab al-Quburnya, namun isnad itu juga dha'if. Lihat pula hadits berkenaan dengan isnad Ibnu Abi ad-Dunya di dalam kitabnya itu: حدثنا محمد بن قدامة الجوهري حدثنا معن بن عيسى القزاز أخبرنا هشام بن سعد حدثنا زيد بن أسلم عن أبي هريرة رضي الله عنه قال إذا مر الرجل بقبر أخيه يعرفه فسلم عليه رد عليه السلام وعرفه وإذا مر بقبر لا يعرفه فسلم عليه رد عليه السلام. Hadits ini selain mauquf ia juga munqathi'. Kerana Zaid bin Aslam tidak mendengar apa-apa hadits daripada Abi Hurairah. Demikianlah kata Yahya bin Ma'in. Muhammad bin Qudamah al-Jauhari pula adalah perawi dha'if. Adapun hadits Ibnu `Abbaas yang dianggap sebagai syahid yang sahih bagi hadits Abi Hurairah tadi sebenarnya adalah hadits Abu Hurairah juga. Cuma perawi perempuannya yang bernama Fathimah binti ar-Rayyaan al-Mustamli telah syaz dan terkeliru dalam meriwayatkannya daripada ar-Rabii' bin Sulaiman daripada Bisyr bin Bukair daripada al-Auzaa'i daripada `Athaa' daripada `Ubaid bin `Umair daripada Ibni `Abbaas. Padahal orang-orang lain seperti yang tersebut dalam sanad Ibnu `Asaakir tadi atau dalam sanad Tammaam di dalam al-Fawaa'idnya, al-Khathib al-Baghdadi di dalam Tarikhnya, az-Zahabi di dalam Siyar A'laam an-Nubalaa'nya, Ibnu al-jauzi di dalam al-'Ilal al-Mutanaahiyahnya dan lain-lain, semuanya menyebutkan ar-Rabii' bin Sulaiman daripada Bisyr bin Bakr daripada `Abdur Rahman bin Zaid bin Aslam daripada ayahnya daripada `Athaa' bin Yasaar daripada Abi Hurairah. Ini bererti Fathimah telah bertafarrud (bersendirian) dalam meriwayatkan hadits itu daripada ar-Rabii' bin Sulaiman daripada Bisyr bin Bukair daripada al-Auzaa'i daripada `Athaa' daripada `Ubaid bin `Umair daripada Ibni `Abbaas. Sedangkan dia seorang yang majhul. Bagaimana haditsnya akan menjadi sahih?

**Dalil (4) berupa perbuatan `Aaishah** yang berpakaian lengkap kerana malu kepada `Umar setelah `Umar dikebumikan di dalam rumahnya di samping Rasulullah s.a.w. dan ayahnya Abu Bakar, sebenarnya tidak layak dikemukakan sebagai dalil. Kerana tindakan beliau itu tidaklah didorong oleh kepercayaan bahawa orang-orang mati dapat mendengar, nampak dan mengetahui segala apa yang dilakukan oleh orang-orang yang hidup di atas bumi, malah ia dilakukan atas dorongan wara' dan sikap beradabnya dengan manusia, sama ada yang hidup atau yang telah mati.

Apa yang dianggap sebagai dalil (5) bahawa `Aaishah telah menarik balik pendapat beliau yang sebelumnya tentang orang-orang mati tidak dapat mendengar itu tidak benar sama sekali. Hadits Ahmad itu tidak sahih kerana ia termasuk dalam riwayat Mughirah bin Miqdam yang dha'if. Selain itu Ibrahim an-Nakha'i tidak mendengar apa-apa daripada `Aaishah. Demikianlah disebutkan oleh Hafiz Ibnu Hajar di dalam Tahzibu at-Tahzibnya. Kerananya hadits itu menjadi munqathi'. Kalau sanadnya tidak bermasalah sekalipun, ia tetap akan dianggap syaz kerana bercanggah dengan sekian banyak hadits-hadits sahih yang lain. Hadits ini sebetulnya dapat dijama' dengan yang lain-lain kalau dikatakan misalnya `Aaishah tidak menolak hadits Nabi s.a.w. menyeru ketua-ketua kafir Quraisy yang telah mati terbunuh itu. Beliau menerima pun

٣٩٧٧- حَدَّثَنَا الْحُمَيْدِيُّ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ حَدَّثَنَا عَمْرُو عَنْ عَطَاءٍ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَةَ اللَّهِ كُفْرًا

قَالَ هُمْ وَاللَّهُ كُفَّارٌ قُرَيْشٍ قَالَ عَمْرُو هُمْ قُرَيْشٌ وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نِعْمَةُ اللَّهِ وَأَحْلَوْا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ قَالَ النَّارِ يَوْمَ

بَدْرٍ

3977- Al-Humaidi ('Abdullah bin az-Zubair) meriwayatkan kepada kami, katanya: Sufyan (bin 'Uyainah) meriwayatkan kepada kami, katanya: 'Amar (bin Dinaar) meriwayatkan kepada kami daripada 'Athaa' (bin Abi Rabaah) daripada Ibni 'Abbaas r.a. (tentang tafsiran firman Allah⁸⁴ yang bermaksud): “orang-orang yang telah menukar

mereka mendengar apa yang dikatakan oleh Rasulullah kepada mereka itu. Tetapi bagi beliau semua itu telah berlaku sebagai mu'jizat yang diberi Allah kepada NabiNya. Ia dikurniakan khusus untuk Baginda s.a.w. Yang dinafikan oleh 'Aaishah ialah orang-orang yang mati semuanya dapat mendengar segala-segala yang diucapkan oleh orang-orang yang hidup.

Dalil (6) pula tidak lebih dari satu andaian semata-mata. Mana sama orang-orang mati menyedari apa yang dialaminya di alam barzakh dengan mereka dapat mendengar segala suara dan bunyi yang terdapat di alam dunia? Yang pertama adalah sesuatu yang tsabit berdasarkan nas-nas yang qath'i. Yang kedua juga tsabit dengan nas yang qath'i, selain keadaan-keadaan yang terkecuali.

Sebenarnya tidak ada satu pun dalil yang kukuh berupa ayat-ayat al-Qur'an atau hadits-hadits yang sahih menyabitkan dengan jelas tentang orang-orang mati dapat mendengar percakapan atau seruan orang-orang yang hidup. Kalau ada pun hanyalah hadits-hadits dha'if atau maudhu'. Penulis sengaja memanjangkan sedikit perbincangan tentang isu ini memandangkan akhir-akhir ini lahir golongan-golongan sesat yang menda'wa orang-orang tertentu yang telah mati dapat mendengar rayuan orang-orang yang hidup dan mereka merupakan perantara-perantara yang paling baik untuk menyampaikan hajat seseorang kepada Allah. Kubur-kubur orang-orang yang dianggap sebagai wali-wali pula sering dikunjungi untuk berdoa di sisinya. Kononnya doa-doa yang dipanjatkan kepada Tuhan dekat kubur orang-orang seperti itu lebih mudah terkabul. Puncanya tidak lain dan tidak bukan adalah kepercayaan bahawa kalau orang-orang kafir pun dapat mendengar percakapan dan seruan orang hidup, tentulah kekasih-kekasih Allah lebih dapat mendengar daripada mereka! Kalau mereka mendengar dan masih lagi beramal di dalam kuburnya, kenapa kita tidak pergi ke kuburnya dan meminta saja kepada mereka agar memohon sesuatu hajat kita kepada Allah?! Dengan begitu semakin pudarlah cahaya tauhid dan semakin berakar umbiliah pula kesyirikan di kalangan umat. والله المستعان.

⁸³ Kata-kata Qataadah ini juga maushul dengan sanad yang sama. Qataadah merupakan salah seorang tokoh dari golongan kedua yang berpendapat orang-orang mati tidak mendengar seruan atau percakapan orang-orang hidup.

⁸⁴ Lihat firman Allah berkenaan selengkapnya di bawah ini:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ بَدَّلُوا نِعْمَتَ اللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا قَوْمَهُمْ دَارَ الْبَوَارِ ۖ جَهَنَّمَ يَصْلَوْنَهَا وَبِئْسَ الْقَرَارُ ۖ